

SEJARAH PERKEMBANGAN SEKOLAH MENENGAH AGAMA RAKYAT (SMAR) DI MALAYSIA: KAJIAN DI NEGERI PERAK

THE HISTORICAL DEVELOPMENT OF PEOPLE'S RELIGIOUS SECONDARY SCHOOLS (SMAR) IN MALAYSIA: A STUDY IN THE STATE OF PERAK

Abd Munir Mohamed Noh¹
Mohd Zahirwan Halim Zainal Abidin^{2*}
Muhammad Yusri Saleh @ Yusof³
Muhd Imran Abd Razak⁴

¹Academy of Contemporary Islamic Studies (ACIS), UiTM Perak Branch, Tapah, Campus, Malaysia
(Email: abdmu409@uitm.edu.my)

²Academy of Contemporary Islamic Studies (ACIS), UiTM Perak Branch, Seri Iskandar Campus, Malaysia
(E-mail: mohdz560@uitm.edu.my)

³Academy of Contemporary Islamic Studies (ACIS), UiTM Perak Branch, Seri Iskandar Campus, Malaysia
(E-mail: paiz4186@uitm.edu.my)

⁴Academy of Contemporary Islamic Studies (ACIS), UiTM Perak Branch, Seri Iskandar Campus, Malaysia
(E-mail: yusri613@uitm.edu.my)

*Corresponding author: mohdz560@uitm.edu.my

Article history

Received date : 9-6-2025
Revised date : 10-6-2025
Accepted date : 25-7-2025
Published date : 29-7-2025

To cite this document:

Mohamed Noh, A. M., Zainal Abidin, M. Z. H., Saleh @ Yusof, M. Y., & Abd Razak, M. I. (2025). Sejarah perkembangan Sekolah Menengah Agama Rakyat (SMAR) di Malaysia: Kajian di negeri Perak. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 10 (74), 699 - 709.

Abstrak: Dalam kajian ini penulis akan menjelaskan sejarah perkembangan Sekolah Menengah Agama Rakyat (SMAR) di Malaysia secara umum dan di negeri Perak secara khusus. Ia bertujuan untuk melihat perubahan dan kemajuan SMAR melalui sistem pendidikan yang merangkumi aspek fizikal seperti bangunan dan penjenamaan, aspek kurikulum serta pedagogi pengajaran dan pembelajaran. Ia juga bertujuan untuk melihat sejauh mana survival SMAR dalam mengharungi peralihan serta perubahan dasar yang ditetapkan oleh kerajaan. Kajian ini menggunakan kaedah perpustakaan dengan merujuk kepada buku-buku ilmiah, jurnal dan artikel yang berkaitan. Hasil kajian mendapati bahawa perkembangan Sekolah Agama Rakyat di negeri Perak mengalami empat fasa atau peringkat perubahan. Peringkat pertama pengajian agama dijalankan secara bersemuka antara guru dan anak murid di surau, masjid dan pondok. Amalan pengajian ini juga dinamakan sebagai pengajian pondok atau sekolah pondok. Pada peringkat kedua pengajian agama dijalankan secara lebih teratur dan tersusun berdasarkan jadual dengan merangkumkan matapelajaran akademik dan agama. Aktiviti pengajaran di laksanakan di madrasah yang mempunyai bangunan khusus. Pada peringkat seterusnya Sekolah Agama Rakyat menggantikan pengajian madrasah apabila kerajaan negeri bersetuju memberi peruntukan khusus kepada pembangunan infrastruktur dan

pengajaran. Selanjutnya kajian mendapati sebahagian besar dari SMAR negeri Perak telah memilih untuk diserap ke Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) dan sehingga Jun 2025 data menunjukkan sebanyak sembilan belas SMAR di negeri Perak yang masih meneruskan operasinya.

Kata Kunci: *Pendidikan Islam, pedagogi, kurikulum, pondok, Sekolah Agama Rakyat*

Abstract: *In this study, the author will explain the historical development of Sekolah Menengah Agama Rakyat (SMAR), or People's Religious Secondary Schools, in Malaysia in general and specifically in the state of Perak. The aim is to observe the changes and progress of SMAR through the education system, which includes physical aspects such as buildings and branding, as well as curriculum aspects and teaching and learning pedagogy. It also aims to assess the extent of SMAR's survival amidst transitions and policy changes implemented by the government. This study uses the library research method by referring to scholarly books, journals, and related articles. The findings reveal that the development of Sekolah Agama Rakyat in Perak has undergone four phases or stages of change. In the first phase, religious education was conducted face-to-face between teachers and students in prayer halls (surau), mosques, and traditional religious schools (pondok). This method was also known as pondok or traditional Islamic school education. In the second phase, religious education became more organized and systematic, with scheduled classes that included both academic and religious subjects. Teaching activities were carried out in madrasahs with dedicated buildings. In the following phase, Sekolah Agama Rakyat replaced madrasah-based learning when the state government agreed to allocate specific funding for infrastructure development and teaching. Furthermore, the study found that a large number of SMAR in Perak chose to be integrated into Government-Assisted Religious Schools (Sekolah Agama Bantuan Kerajaan, SABK), and as of June 2025, data shows that nineteen SMAR in Perak are still in operation.*

Keywords: *Islamic Education, Pedagogy, Curriculum, Pondok, Sekolah Agama Rakyat*

Pengenalan

Kedatangan Islam ke alam Melayu khususnya di Tanah Melayu sekitar abad ke 10 M telah merubah cara hidup dan pemikiran masyarakat Melayu kepada lebih Islamik. Islam telah mempengaruhi kehidupan masyarakat Melayu dalam pelbagai aspek seperti pemerintahan, sosial, budaya, ekonomi, perundangan dan juga pendidikan. Pengaruh Islam dalam pendidikan dapat dilihat apabila masyarakat telah membentuk budaya ilmu dalam kehidupan apabila mereka memerlukan kefahaman berkaitan ajaran Islam merangkumi aspek akidah, syariah dan akhlak.

Fasa sebelum negara mencapai kemerdekaan menyaksikan pengajaran dan pembelajaran pendidikan Islam dijalankan di kelas-kelas al-Quran, di rumah guru atau ustaz, di masjid dan di surau (Ramli et.al., 2016). Elemen falsafah pendidikan Islam yang dititikberatkan ketika itu ialah penyampaian ilmu berkaitan bacaan al-Quran dan bacaan solat. Elemen kemahiran turut diberi tumpuan iaitu kemahiran membaca al-Quran dan menghafaz beberapa surah pendek daripada al-Quran (Mohd Yusuf, 2002; Rosnani, 1996; Abdullah, 1995). Selain daripada pengajian al-Quran dan ilmu tentang solat yang diajar secara meluas, dilaporkan juga terdapat pengajian ilmu Fiqh, Tauhid, Tafsir, Sejarah, Tasawuf dan Falsafah Islam tetapi dalam beberapa situasi tertentu dan terbatas (Abdullah, 1995)

Falsafah Pendidikan Islam Negara (FPIN) telah diimplimentasikan secara rasminya pada tahun 1988 sejurus terbentuknya Falsafah Pendidikan Negara (FPN) dan konsep pendidikan sepadu. Pendidikan sepadu merujuk kepada pendidikan yang berdasarkan falsafah kesepaduan di antara iman dan ilmu, jasad dan roh, dunia dan din, fikiran dan hati, akal dan wahyu. Menerusi falsafah kesepaduan ini maka dapatlah dididik manusia supaya tunduk kepada tuntutan akidah Islam, syariah Islam dan akhlak Islam (Abdul Hakim, 2020; Mohd Kamal, 1984). Meskipun Falsafah Pendidikan Islam Negara (FPIN) dibentuk pada tahun 1988 namun proses pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam telah bermula lebih awal daripada itu; seawal kedatangan Islam ke negara ini (Mohd Yusof, 2002). Kenyataan ini disokong oleh Mohd Roslan dan Wan Mohd Tarmizi (2011) yang menyatakan bahawa pelaksanaan mata pelajaran Pendidikan Islam di Malaysia (ia juga dikenali sebagai Tanah Melayu ketika sebelum merdeka) telah bermula sejak Islam sampai di Melaka iaitu sekitar abad ke 14 lagi. Namun begitu sistem Pendidikan Islam yang dijalankan pada waktu itu adalah sistem pendidikan tidak formal (Rahimah, 2020). Oleh sebab itu tidak terdapat peruntukan atau undang-undang khusus yang mewajibkan pendidikan Islam diajarkan kepada semua anak-anak Islam (Mohd Roslan & Wan Mohd Tarmizi, 2011).

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian kualitatif. Penyelidikan kualitatif dalam ilmu sains sosial mempunyai beberapa tradisi yang tersendiri dalam memaparkan kaedah yang digunakan untuk mengumpul data, memproses atau menganalisis data, menulis laporan serta seluruh reka bentuk yang meliputi keseluruhan fasa dalam sesuatu penyelidikan (Othman, 2017).

Kajian perpustakaan merupakan kaedah pengumpulan data yang digunakan dalam penulisan ini. Kajian kepustakaan adalah kaedah yang digunakan untuk mendapat data atau bukti melalui pengamatan serta kajian ke atas dokumen dan rekod-rekod yang sedia ada (Shaffie, 1991). Kajian ini juga menumpukan kepada analisis kandungan dan deskriptif yang dijalankan berdasarkan analisis dokumen. Menurut Kamarul Azmi (2012), analisis dokumen mempertanggungjawabkan kepada pengkaji untuk berusaha menganalisis kandungan dokumen agar isi dan makna dalam sesuatu dokumen dapat diketahui.

Kajian dijalankan dengan menjalankan analisis dokumen meliputi pembacaan terhadap buku, jurnal, tesis, kertas kerja dan prosiding. Data yang dikumpulkan daripada dokumen-dokumen seperti buku, jurnal dan prosiding akan dianalisis secara kandungan. Data-data yang diperolehi juga akan dianalisis bagi mendapatkan maklumat yang sebenar berkenaan kajian yang dilakukan. Menurut Othman (2017), analisis dokumen dan rekod sangat diperlukan untuk memahami sejarah dan persekitaran berkaitan kajian yang dilakukan.

Sorotan Literatur

Perkembangan Awal Pendidikan Islam

Ramli et.al. (2016) telah memberi gambaran yang menarik mengenai proses dan kaedah pengajian pada peringkat awal iaitu masyarakat Melayu hanya mempunyai beberapa tempat belajar membaca al-Quran dan menulis pelajaran agama daripada guru al-Quran. Guru yang akan mengajar anak-anak pada waktu itu adalah guru yang dipilih oleh ibu bapa mereka sendiri. Mereka akan mengajar berbagai-bagai ilmu seperti ilmu persilatan, bomoh, pawang, nujum, mengarang dan menyalin. Sekolah al-Quran tersebut biasanya diadakan di rumah guru sahaja. Ibu bapa menyerahkan anak-anak mereka kepada guru yang dipilih berserta dengan barang bekalan seperti segulung tikar, bantal, periuk belanga, dan sekampit beras. Mereka akan belajar

tiga kali sehari iaitu setiap satu pelajaran akan berlangsung selama satu jam. Pada waktu lapang pula murid-murid berkenaan disuruh bekerja menolong guru masing-masing seperti membantu mengerjakan sawah padi, membuat kerja-kerja di rumah atau di dusun. Selain itu, di sekolah ini juga murid diajar tentang huruf Arab bagi menulis dan menyalin kitab-kitab agama di samping membaca al-Quran yang menjadi subjek teras kepada pengajian di sekolah ini. Setiap murid diwajibkan menunaikan solat fardu lima waktu sehari semalam. Bagi murid perempuan mereka diajar membaca al-Quran sahaja dan tidak diajarkan ilmu-ilmu yang lain seperti murid lelaki, tetapi di tempat tertentu murid perempuan ada juga diajar membaca dan menulis dalam bahasa Melayu.

Nur Atiqah & Ong (2018) dalam kajiannya telah memberi gambaran yang lebih terperinci mengenai perjalanan hidup masyarakat Melayu dalam bidang pendidikan. Pada waktu itu ibu bapa telah menghantar anak mereka ke rumah guru untuk mendalami ilmu Islam ketika anak-anak mereka berumur enam tahun. Murid-murid diajar membaca al-Quran di samping dan dibekalkan dengan ilmu akhlak, adab santun serta kemahiran membaca doa. Pada kebiasaannya pengajian yang dijalankan di rumah guru dijalankan sesudah sembahyang Subuh, Zuhur dan Maghrib (Nur Atiqah & Ong, 2018; Mohd. Yusoff, 1986). Sebagai langkah permulaan untuk membaca Al-Quran murid diajar mengenali huruf jawi, menghafal dan mengenal huruf Al-Quran. Sementara mata pelajaran yang diberikan kepada murid-murid hanyalah pelajaran asas agama Islam, iaitu kemahiran membaca Al-Quran, cara-cara bersolat, berpuasa dan perkara-perkara asas agama yang lain, termasuklah cara-cara bersuci, penentuan benda-benda halal, haram, dosa dan pahala (Nur Atiqah & Ong, 2018; Awang, 1980).

Pengajian secara tidak formal ini berjalan di rumah guru agama telah menjadi terkenal dan bertambah pesat sehingga timbulnya masalah kesempitan ruang untuk belajar kerana jumlah murid yang semakin meningkat. Lantaran itu, masyarakat sekitar telah mengambil inisiatif untuk mendirikan surau-surau berhampiran dengan rumah guru agama. Hasil usaha mereka mendirikan surau akhirnya mereka telah berjaya mendirikan surau tersebut yang bukan hanya untuk masyarakat setempat menunaikan solat bahkan mereka turut menjadikan surau sebagai pusat utama pendidikan untuk para pelajar meneruskan pengajian al-Quran di samping pengetahuan asas agama yang lain seperti cara-cara beriadah, berpuasa, berzanji, qasidah dan sebagainya. Secara langsung, surau telah dijadikan institusi pendidikan tidak formal dan ia dikatakan sistem pengajian paling awal diperkenalkan ke Tanah Melayu (Nur Atiqah & Ong, 2018). Menerusi pengajian surau, anak-anak masyarakat Melayu ketika itu mula mempelajari kitab-kitab usul (Akidah) yang membicarakan zat Allah, sifat-sifat Allah; mempelajari hukum hakam Islam dan mempelajari pelbagai ilmu dan hikayat yang boleh menambah ilmu pengetahuan dan dapat mengambil iktibar dari pelajaran (Nur Atiqah & Ong, 2018; Hassan, 1986).

Pendidikan Islam terus mendapat tempat dan perhatian dalam kalangan penduduk Tanah Melayu selepas mereka mencapai kemerdekaan pada tahun 1957. Pada tahun 1960 kerajaan telah memperkenalkan dan melaksanakan undang-undang pendidikan berdasarkan kepada Laporan Rahman Talib. Dalam laporan tersebut, kerajaan telah menguatkuasakan akta kewajipan memberikan Pendidikan Islam kepada murid-murid yang beragama Islam di setiap sekolah yang terdapat murid beragama Islam sekurang-kurangnya 15 orang atau lebih (Abdul Halim, 1989; Mohd Roslan & Wan Mohd Tarmizi, 2011).

Sebelum pemerintah Inggeris menubuhkan sekolah Melayu di negara ini, sistem pendidikan Islam dilaporkan masih berjalan seperti sediakala. Menurut catatan Abdullah Munshi semasa

lawatan beliau ke Melaka, Singapura dan Pulau Pinang terdapat sekolah-sekolah al-Quran yang dijalankan di negeri-negeri tersebut (Kementerian Pelajaran Malaysia, 1972). Selepas tahun 1854 sekolah al-Quran mula berubah corak apabila ia diambil alih oleh pemerintahan Inggeris melalui Syarikat Hindia Timur Inggeris. Sekolah-sekolah agama ini diberikan bantuan penuh dengan syarat ia mengajar mata pelajaran membaca, menulis dan mengira (ilmu *hisab*) di samping melaksanakan pengajaran Pendidikan Islam dan membaca al-Quran.

Dari aspek melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran, mereka menggunakan bangunan yang sama tetapi diasingkan mengikut sesi. Semua aktiviti pengajaran sekolah Melayu yang mendapat bantuan penuh dari Inggeris dijalankan pada sesi pagi manakala sekolah membaca al-Quran dilaksanakan pada waktu petang. Perkara ini dinyatakan secara jelas dalam Kod Pelajaran (*Education Code*) bahagian 5 Undang-undang Pelajaran Melayu di Negeri-negeri Selat dan Negeri-Negeri Bersekutu tahun 1938 dalam senarai tugas Penolong Nazir Melayu Sekolah (Kementerian Pelajaran Malaysia, 1972).

Meskipun Inggeris telah berjaya menubuhkan Sekolah Melayu dengan mengasingkan sesi pengajaran al-Quran ke sesi sebelah petang, namun masyarakat Melayu pada waktu itu tetap mengekalkan asas pendidikan Islam dan pendidikan al-Quran yang menjadi warisan agama dan bangsa. Sistem pendidikan Islam dan al-Quran tetap menjadi pilihan dan tumpuan para pelajar. Ini terbukti apabila ramai di kalangan ibu bapa yang menghantar anak-anak mereka ke luar negara seperti Pattani, Mesir, Arab Saudi dan lain-lain negara Arab untuk meningkatkan lagi pengetahuan serta mendalami ilmu agama. Para pelajar yang telah berjaya menamatkan pengajiannya di luar negara mereka telah meneruskan sistem pendidikan Islam dengan membuka institusi-institusi pengajian yang lebih tinggi dan maju taraf dan kedudukannya yang dikenali sebagai pondok (Abdullah, 1995; Mohd Roslan & Wan Mohd Tarmizi, 2011).

Sistem Pengajian Pondok

Berkaitan dengan proses pembelajaran dan pengajaran di institusi pondok pengajian di institusi ini dijalankan secara fleksibel dan tidak terikat pada masa-masa tertentu. Ia bergantung sepenuhnya kepada kebijaksanaan guru-guru di pondok berkenaan. Kebiasaannya, kelas bermula selepas waktu subuh (awal pagi) dan berakhir sehingga sekira-kira pada pukul sebelas pagi. Sementara menunggu waktu Zohor, biasanya para pelajar akan memasak dipondok untuk sanatanan tengahari. Kelas disambung semula selepas waktu zohor iaitu dari pukul dua hingga empat petang. Pengajian seterusnya bersambung sekali lagi selepas waktu maghrib sehinggalah pukul sepuluh malam. Kehadiran para pelajar di setiap waktu kelas tidak diambil kira sangat oleh guru-guru yang mengajar atau dari segi ketepatan masa pelajar berada di dalam kelas kerana guru membuat pertimbangan bahawa pelajar yang datang lewat berkenaan adalah bujang dan terpaksa menguruskan sendiri kehidupannya seperti memasak dan membasuh pakaian sendiri (Ramli et.al., 2016).

Menyentuh mengenai kaedah pengajaran dan pembelajaran yang dijalankan di pondok, para guru atau ustaz pada kebiasaannya akan menjalankan aktiviti pengajaran dengan menggunakan kaedah *halaqah*. Menurut Mohd Zahirwan (2018), kaedah *halaqah* boleh difahami dengan maksud proses kegiatan pendidikan yang dijalankan dalam satu kumpulan dengan jumlah maksima pelajar seramai 12 orang. Terdapat juga pendapat yang menyatakan bahawa bilangan pelajar dalam sesebuah *halaqah* tidak terhad bermula daripada 5 orang sehingga 500 orang (Zamakhshari, 2011). Berkaitan dengan pelaksanaan kaedah *halaqah* pula, ianya berlangsung dengan cara para pelajar duduk bersila di atas lantai dalam lingkaran atau bulatan untuk mendengar penerangan guru yang akan duduk di tengah bulatan. Guru berkenaan akan

menghuraikan topik sesebuah kitab atau buku sama ada karyanya sendiri atau orang lain manakala para pelajar pula akan menggunakan kitab-kitab yang sama dalam satu-satu *halaqah* (Ahmad Fauzi, 2010; Achmad, 2015; Zamakhsyari, 2011). Dalam huraian selanjutnya Mohd Zahirwan (2018) berpendapat *halaqah* dilaksanakan melalui pelbagai medium sama ada dalam bentuk bulatan iaitu para pelajar duduk menghadap guru; di mana kedudukan guru biasanya tinggi sedikit daripada pelajar contohnya guru duduk di atas kerusi ataupun tempat khusus yang disediakan untuk guru serta peralatan-peralatan lain seperti kerusi dan meja.

Selain daripada kaedah *halaqah*, aktiviti pengajaran dan pembelajaran juga dilaksanakan dengan menggunakan kaedah *talaqqi musyafahah*. Kaedah ini biasanya dijalankan ketika guru mengajar al-Quran. Menurut Sedek (2009) kaedah *talaqqi musyafahah* adalah kaedah pembelajaran atau penerimaan bacaan ayat-ayat al-Quran dari mulut ke mulut atau berguru. Dalam erti kata lain kaedah *talaqqi musyafahah* ini dijalankan secara guru mengajar murid dengan bacaan yang betul dan murid akan mengikut bacaan guru secara bersemuka. Maka, *talaqqi musyafahah* bermaksud pertemuan antara guru dan murid secara berhadapan di dalam satu majlis pada masa tertentu di mana murid menerima pengajaran dengan melihat pergerakan bibir guru dan mengikut bacaan guru atau guru mendengar bacaan murid dan membetulkan kesalahan mereka (Nik Ja'far, 2004).

Sistem Pengajian Madrasah

Bermula daripada sistem pondok pendidikan Islam semakin bergerak maju ke hadapan dengan diperkemas dan dipertingkatkan lagi melalui sistem madrasah atau sekolah agama yang dilengkapi dengan infrastruktur bangunan, pejabat pentadbiran, asrama dan kemudahan rekreasi (Ghazali, 2004). Segala bentuk aktiviti dan kegiatan keagamaan yang dilaksanakan di pondok bagi mendedahkan masyarakat tentang permasalahan dalam Islam seperti hukum hakam, akidah, syariah dan masalah-masalah lain yang berkaitan dengan hal ehwal Islam terus dibincangkan di madrasah dengan kaedah dan pendekatan yang lebih komprehensif (Shafie, 1984).

Perkembangan institusi madrasah di Tanah Melayu berlaku seiring dengan kemunculan gerakan Islah di Timur Tengah. Pengaruh gerakan Islah telah menular di Tanah Melayu melalui peranan pelajar-pelajar Melayu yang belajar di Universiti Al-Azhar, Mesir. Apabila mereka kembali ke tanah air, mereka telah berusaha untuk merubah sikap orang Melayu supaya dapat memahami Islam dalam acuan yang lebih lengkap dan sempurna (Mohd Roslan & Wan Mohd Tarmizi, 2011). Melihat kepada usaha-usaha dan perubahan yang telah dilakukan oleh graduan Timur Tengah mereka dilihat sebagai golongan reformis yang cuba membawa pembaharuan dalam penghayatan dan pengamalan cara hidup Islam. Golongan ini telah dipelopori oleh lepasan mahasiswa Timur Tengah yang kebanyakannya masih muda sehingga mereka juga dikenali sebagai Kaum Muda dan ianya berbeza dengan golongan Kaum Tua yang dikatakan bersifat konservatif. Untuk mengembangkan usaha dakwah, Kaum Muda telah menerbitkan majalah dalam bahasa Melayu yang dikenali sebagai *al-Imam* (Ketua) untuk menyampaikan idealisme perjuangan dan menimbulkan kesedaran dalam kalangan orang Melayu (Ramli et.al., 2016).

Salah seorang tokoh yang terlibat dalam usaha untuk menjadikan sistem pendidikan yang lebih tersusun dan sistematik ialah Syed Syekh al-Hadi. Beliau telah mendirikan sebuah madrasah yang dikenali dengan nama al-Madrasah al-Misriyah di Bukit Mertajam, Seberang Prai pada tahun 1906 (Ahmad, 2003). Seterusnya aktiviti pendidikan Islam semakin bertambah pesat berkembang dengan tertubuhnya sebuah madrasah yang dikenali dengan nama Madrasah Iqbal

di Singapura pada tahun 1907. Madrasah ini mempunyai fungsi yang hampir sama dengan sekolah sekular dalam organisasinya dan mata pelajaran yang diperkenalkan seperti Geografi, Sains, dan Sejarah sebagai mata pelajaran tambahan kepada mata pelajaran agama. Walau bagaimanapun, Madrasah Al-Iqbal tidak mendapat sambutan yang baik dalam kalangan orang Melayu kerana mereka merasakan idea yang dibawa oleh Kaum Muda dilihat bertentangan dengan Islam. Sekolah itu kemudiannya ditutup setelah beroperasi selama setahun (Ramli et.al., 2016; Rosnani, 1996)

Meninjau perkembangan madrasah di Negeri Selat, Sheikh Ahmad Al-Hadi telah menubuhkan sebuah madrasah yang diberi nama Madrasah Al-Hadi di Melaka pada tahun 1917 (Muhd Nur, 1984) tetapi mengalami nasib yang sama dengan Madrasah Al-Iqbal (Ramli et.al., 2016). Namun Sheikh Ahmad Al-Hadi tetap tidak berputus asa dengan menubuhkan lagi sebuah madrasah iaitu Madrasah al-Masyhor Islamiah di Pulau Pinang dengan kerjasama beberapa orang Arab (Roff, 2003). Madrasah Al-Masyhor telah diterima oleh masyarakat dan ianya mencapai kejayaan sehingga terkenal di Tanah Melayu pada waktu ini sehingga kini. Sistem pendidikan yang menekankan hafalan telah ditukar kepada pembelajaran yang menggalakkan pembabit aktiviti pelajar secara aktif seperti perbahasan dan retorik (Ramli Saadon et.al., 2016). Selain daripada itu aktiviti pelajar seperti pidato dan debat juga telah dijalankan untuk memberi pendedahan kepada murid (Rahimah, 2020).

Rentetan daripada penubuhan beberapa buah madrasah yang dipelopori oleh Kaum Muda, golongan Kaum Tua juga telah mengambil tindakan yang sama apabila mereka juga telah menubuhkan Madrasah Al-Khairiyah Muhammadiyah pada awal tahun 1920-an. Penubuhan madrasah ini dikatakan untuk menyaingi kemunculan madrasah-madrasah yang ditubuhkan oleh golongan Kaum Muda yang semakin bercambah. Lanjutan daripada itu, mereka telah menggandakan usaha untuk menubuhkan lebih banyak madrasah dan hasilnya dalam tahun 1930-an sahaja mereka telah berjaya mendirikan empat buah madrasah iaitu Madrasah Islamiah di Alor Gajah pada tahun 1937, Madrasah di Bukit Katil pada tahun 1938, Madrasah Tarbiatul Dinniah di Jasin 19 pada tahun 1939, dan Madrasah Nuriah di Sungai Udang pada tahun 1940 (Khoo, 1980).

Sementara itu di sebahagian utara Tanah Melayu seperti di negeri Kedah sebuah madrasah yang diberi nama Madrasah Al-Hamidah telah dibina pada tahun 1908 oleh Sheikh Wan Sulaiman Wan Sidik. Madrasah tersebut beroperasi sehingga tahun 1935 dan ditukar nama kepada Madrasah Al-Maahad al-Mahmud sempena nama Duli Yang Maha Mulia Tunku Mahmud Ibnu Al-Marhum Sultan Ahmad Tajuddin Mukarramul Shah yang merasmikan madrasah berkenaan pada tahun 1936 (Portal Rasmi Arkib Negara, 2023). Sehingga kini Maahad al-Mahmud terus beroperasi dengan melahirkan ramai tokoh ilmunan dan cendekiawan. Di negeri Perlis pula Madrasah Alwiah Al-Dinniah dibina pada tahun 1937 atas daya usaha Raja Syed Alwi dan dibantu oleh beberapa ahli Kaum Muda.

Perkembangan madrasah di sebelah Pantai Timur Tanah Melayu seperti di negeri Kelantan dapat dilihat melalui penubuhan madrasah pertama iaitu Madrasah Muhammadiyah pada tahun 1915. Madrasah ini dibiayai oleh Majlis Agama Dan Adat Istiadat Kelantan. Madrasah berkenaan mempunyai tiga aliran iaitu aliran Melayu, aliran Inggeris, dan aliran Arab. Aliran Melayu dan aliran Inggeris dimulakan di madrasah ini hanya pada tahun 1917 dan aliran Arab pula dimulakan pada tahun 1924. Madrasah ini agak lewat memperkenalkan aliran Arab kerana pada asalnya matlamat asal penubuhan madrasah adalah untuk memenuhi keperluan anak golongan elit sahaja. Sementara itu di negeri Terengganu, Madrasah Al-Arabiah merupakan

madrasah pertama yang dibuka pada tahun 1925 yang diadakan operasinya pada sebelah petang di sekolah Melayu Paya Bunga. Pada tahun 1933, madrasah berkenaan dipindahkan operasinya di bangunan sendiri yang dibina atas sumbangan orang awam dan diberi nama Madrasah Al-Sultan Zainal Abidin sempena nama sultan Terengganu.

Dapatan Kajian

Perkembangan Sekolah Menengah Agama Rakyat di Negeri Perak

Negeri Perak turut mempunyai sejarah yang menarik tentang perkembangan madrasah yang terawal di Tanah Melayu di mana institusi pendidikan agama di Perak bermula melalui penubuhan Ma'ahad Al-Ehya Asshariff di Gunung Semanggol pada 1918. Daripada sebuah pondok ia bertukar kepada sebuah sekolah agama pada 15 April 1934 yang diberi nama Madrasah Al-Ehya Asshariff. Sekolah ini diwujudkan kerana terdapat keperluan tempat belajar untuk murid lepasan sekolah rendah di samping sebagai usaha menyebarkan ilmu secara lebih teratur dalam menyebarkan risalah Islam (Jurij, 2012).

Selepas Maahad Al-Ehya al-Sharif ditubuhkan dan berjaya mencapai kecemerlangan dalam bidang pelajaran, dua sekolah agama lain mula beroperasi iaitu Madrasah Al-Idrisiah yang terletak di daerah Kuala Kangsar dibina pada tahun 1922 atas usaha Sultan Idris sendiri. Murid pertama Madrasah Idrisiah ialah Haji Muhammad Haji Salleh, dari Kelantan. Pada tahun 1928 murid kedua ialah Syeikh Abdullah al-Maghribi dari Mekah dan murid ketiga pada 1932 ialah Syeikh Abdullah Fa'him dari Kepala Batas iaitu datuk kepada bekas Perdana Menteri kelima, Tun Abdullah Ahmad Badawi. Kemudian Madrasah Al-Arabiah pula dibina di Bukit Chandan pada tahun yang sama. Sekolah Agama Rakyat terus mendapat tempat dalam kalangan penduduk negeri Perak apabila Madrasah Al-Ulum Al-Shariyyah telah dibina pada tahun 1937 di Bagan Datuk. Antara tahun 1930 hingga tahun 1940-an banyak madrasah dibina di negeri tersebut (Ramli et.al., 2016; Sabri, 1983).

Seterusnya, pada 1942, Sekolah Menengah Agama Al Falah telah dibina di kawasan seluas 2.5 ekar tanah wakaf. Sekolah ini telah beroperasi selama lebih 50 tahun sebagai sekolah agama rakyat dan mengharungi pahit manis sejarahnya, sebelum diperakui sebagai sebuah Sekolah Menengah Agama Bantuan Kerajaan pada 17 Mei 2005. Hal ini bermakna hampir keseluruhan pembiayaan pengurusan dan pembangunan sekolah dibiayai oleh kerajaan. Sebuah sekolah lagi yang ditubuhkan sebelum era kemerdekaan ialah Sekolah Menengah Agama Rakyat Al Hidayah atau ringkasnya SMARAH. Pada peringkat awal pengajian agama dan bahasa Arab yang dijalankan adalah berkisar di peringkat rendah sahaja. Kemudian, pada 1983, SMARAH telah dinaik taraf kepada peringkat menengah dan namanya ditukar daripada Madrasah Al-Hidayah Adiniah kepada Sekoalh Menengah Agama Rakyat Al-Hidayah.

Pasca kemerdekaan pula menyaksikan lebih banyak sekolah agama ditubuhkan di Perak seperti Maahad Al Tarbiah Al Islamiah (MTI) pada 1958, Sekolah Izzuddin Shah (1959), Sekolah Raja Perempuan Ta'ayah (1960), Maahad Al-Khair Lil Banat (1962), Sekolah Menengah Addiniah (1970) dan Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) Maahad Islahiah Addiniah (1980).

SABK atau Sekolah Agama Bantuan Kerajaan merupakan cetusan idea Perdana Menteri kelima iaitu Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi bagi tujuan memperkasakan Sekolah Agama Rakyat terutamanya aspek bantuan kewangan dan pembiayaan. Persetujuan tersebut setelah menerima syor daripada Laporan Jawatankuasa Khas Mengkaji Isu Pendidikan Islam, Peranan Sekolah Agama Rakyat dan memperkasa Sekolah Kebangsaan khususnya berkaitan dengan Pendidikan

Islam. Laporan ini juga dikenali sebagai Jawatankuasa Tan Sri Murad yang mengesyorkan agar SAR berdaftar dengan Kementerian Pelajaran bagi membolehkan bantuan yang lebih baik diberikan (Azizi & Supyan, 2009) Peranan Negeri Dalam Memperkukuhkan Sistem Madrasah di Malaysia : Kajian Ke atas Pelaksanaan Sekolah Agama Rakyat (SAR) Sebagai Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) The Seventh World Congress Muslim Education anjuran Kolej Antrabangsa Universiti Islam Selangor (KUIS).

Rajah 1 : Bilangan Sekolah Menengah Agama Rakyat 2025

Bil	Nama Sekolah	Lokasi
1	Maahad At Taufiqiah Al Diniah	Behrang Stesen
2	Maahad Al-Abbasiah	Sungkai
3	Sek Men Agama At-Ta` Alim	Setiawan
4	Madrasah Tarbiyyatul Ajyal	Pantai Remis
5	Sek Menengah Tahfiz Al-Itqon	Seri Manjung
6	Sekolah Menengah Al -Hidayah	Manjung
7	Sekolah Menengah Al-Hidayah	Ipoh
8	Maahad Imtiyaz	Ipoh
9	Sek Men Agama Rakyat Darul Taqwa	Tanjung Rambutan
10	Maahad Tahfiz Al-Quran Wal-Qiraat Addin	Malim Nawar
11	Madrasah Al-Hikmah	Chemor
12	Sekolah Menengah Islam Integrasi Bestari	Meru Raya
13	Sek Men Agama Al-Tahzib	Parit Buntar
14	Smar Nurul Hidayah	Sungai Siput
15	Sekolah Menengah Agama Irshadiyah	Bagan Datoh
16	Maahad Al-Islah	Teluk Intan
17	Sekolah Menengah Agama Al-Yusufiah	Pengkalan Hulu
18	Sek Men Integrasi Teras Islam(Smiti)At-Taalim	Seri Iskandar
19	Sekolah Menengah Islam Darul Ta'lim	Batu Kurau

Sumber: Bahagian Pendidikan, Jabatan Agama Islam Perak (JAIPk)

Sehingga kini intstitusi madrasah terus berkembang dan semakin maju dari segala aspek samada pembangunan, kurikulum atau ko-kurikulum serta aktiviti-aktiviti pendidikan dan kemasyarakatan. Ia terus mendapat tempat dalam kalangan masyarakat Melayu Islam khususnya kerana ianya menjadi keperluan dalam bidang keilmuan Islam (Nor Raudah, Ilhaami dan Siti Jamiaah, 2018). Ini dikuatkan lagi dengan pendapat yang menyatakan bahawa orang Melayu percaya pendidikan agama Islam melalui institusi pengajian pondok dan madrasah akan dapat melahirkan pelajar atau seorang anak yang mempunyai pengetahuan dan pendidikan Islam yang terbaik (Rosnani, 1996). Perkembangan ini dapat dilihat melalui peningkatan jumlah madrasah (yang kini dikenali dengan nama Sekolah Rendah Agama Rakyat (SRAR) untuk pendidikan peringkat rendah dan Sekolah Menengah Agama Rakyat (SMAR) untuk pendidikan peringkat menengah) dari masa ke semasa.

Menyentuh tentang kurikulum Sekolah Menengah Agama Rakyat (SMAR) di negeri Perak merupakan salah satu institusi pendidikan yang mengimplimentasikan kurikulum *diniyyah* (keagamaan) di mana ianya dikendalikan dan diuruskan sepenuhnya oleh Jemaah Pengelola Sekolah (Nor Raudah et. al., 2018). Kurikulum *diniyyah* juga dikenali sebagai kurikulum Azhari merupakan kurikulum mata pelajaran mengikut model al-Azhar yang menjadi identiti

utama di sekolah-sekolah agama seperti di SMAR, Sekolah Agama Negeri (SMAN) dan Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) (Muhammad Hazzman & Khazri, 2022).

Dalam huraian yang lebih lanjut Muhammad Hazzam dan Khazri Azizi (2022) serta Supyan (2007) menjelaskan bahawa kurikulum *diniyyah* merupakan satu kumpulan mata pelajaran yang mengandungi bidang Pengajian Islam serta Bahasa dan Kesusasteraan Arab berpandukan model kurikulum Ma'ahad Bu'uth Al-Azhar, Mesir. Kurikulum tersebut dilaksanakan dalam tempoh pengajaran yang tertentu di samping kurikulum kebangsaan di peringkat menengah dan rendah yang diperakukan oleh Jawatankuasa Kurikulum Pendidikan Islam. Untuk merealisasikan hasrat pendidikan bagi melahirkan masyarakat yang berilmu dan mempunyai akhlak yang baik ia memerlukan kepada kaedah dan penyampaian yang berkesan agar kurikulum yang digubal dapat difahami dan dihayati oleh para pelajar. Selain daripada itu Khairul Nizam (2020) menjelaskan bahawa Sekolah Agama Rakyat turut memainkan peranan penting dalam pembinaan kecerdasan masyarakat khususnya di kalangan anak-anak Melayu satu masa dahulu. Perkara ini dapat dilihat melalui aktiviti pelajar yang giat mengadakan latihan serta pertandingan seperti pidato, debat, berzanji, marhaban dan sebagainya.

Kesimpulan

Daripada kajian yang telah dijalankan didapati perkembangan Sekolah Agama Rakyat di negeri Perak sama seperti sekolah-sekolah agama rakyat yang lain dimana ianya mengalami empat fasa atau peringkat perubahan. Peringkat pertama pengajian agama dijalankan secara tidak formal; ia berlangsung secara bersemuka antara guru dan anak murid di surau, masjid dan pondok. Amalan pengajian ini juga dinamakan sebagai pengajian pondok atau sekolah pondok. Pada peringkat kedua pengajian agama dijalankan secara lebih teratur dan tersusun berdasarkan jadual dengan merangkumkan matapelajaran akademik dan agama. Aktiviti pengajaran di laksanakan di madrasah yang mempunyai bangunan khusus. Pada peringkat seterusnya Sekolah Agama Rakyat menggantikan pengajian madrasah apabila kerajaan negeri bersetuju memberi peruntukan khusus kepada pembangunan infrastruktur dan pengajaran. Selanjutnya kajian mendapati sebahagian besar dari SMAR negeri Perak telah memilih untuk diserap ke Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK). Meskipun SMAR menghadapi pelbagai perit maung dan keterbatasan operasi akibat kekangan kewangan dan bantuan dalam *survival* keberadaannya di kancan perdana namun sehingga Jun 2025 data menunjukkan sebanyak sembilan belas SMAR di negeri Perak yang masih meneruskan operasinya

Rujukan

- Abidin, M. Z. H. Z., Ismail, H., Yakob, M. A., Mohamed Noh, A. M., Salleh, M.Y.Y. & Hassan, P. (2018). Pelaksanaan kaedah halaqah di Madrasah al-Diniah al-Bakriah, Pondok Pasir Tumbuh, Kota Bharu, Kelantan. *Proceedings of the 3rd International Conference on Education, Islamic Studies and Social Sciences Research (ICEISR 2018)*, 1–20.
- Azizi, U., & Supyan, H. (2009). Peranan negeri dalam memperkukuhkan sistem madrasah di Malaysia: Kajian ke atas pelaksanaan Sekolah Agama Rakyat (SAR) sebagai Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK). *The Seventh World Congress Muslim Education*. Kolej Antarabangsa Universiti Islam Selangor (KUIS).
- Ghazali, B. (2012). *Falsafah pendidikan Islam: Huraian konsep dan aplikasi*. Pusat Penerbitan Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan.
- Ghazali, D., & Sufean, H. (2018). *Metodologi penyelidikan dalam pendidikan*. Universiti Malaya.
- Jasmi, K. A. (2012). *Penyelidikan kualitatif dalam sains sosial* [Kertas kerja]. Kursus Penyelidikan Kualitatif Siri 1 2012, Puteri Resort, Melaka. Institut Pendidikan Guru Malaysia Kampus Temenggong Ibrahim, Johor Bahru, Johor.
- Jurij, J. (2012, Mei 14). Sejarah sekolah agama di Perak. *Utusan Malaysia*.
- Lebar, O. (2017). *Penyelidikan Kualitatif: Pengenalan Kepada Teori dan Metode*. Tanjung Malim : UPSI
- Mohd Yusof, A. (2004). *Falsafah dan sejarah pendidikan Islam*. Penerbit Universiti Malaya.
- Nor Raudah, S., Ilhaamie, A. G. A., Siti Jamiaah, A. J., & Azrin, A. M. (2018). Kepelbagaian pengurusan sekolah agama rakyat di Malaysia. *Journal of al-Tamadun*, 13(1), 45–56.
- Rahimah, E. (2020). Perkembangan pendidikan Islam di Nusantara: Malaysia dan Indonesia. *Jurnal Tamaddun*, 21(1), 135–143.
- Ramli, S., Khairi, A., & Ishak, S. (2016). Perkembangan pendidikan orang Melayu di Malaya sebelum kemunculan Western-Type Education. *Jurnal Perspektif*, 8(2), 79–96.
- Rohani, M. M., & Yusoff, A. S. (2015). Tahap kesediaan pelajar dalam penggunaan teknologi, pedagogi, dan kandungan (TPACK) dalam pembelajaran kurikulum di IPT. *Proceeding of the 3rd International Conference on Artificial Intelligence and Computer Science*, Pulau Pinang.
- Rosnani, H. (1996). *Educational dualism in Malaysia: Implications for theory and practice*. Oxford University Press.
- Shaffie, M. (1991). *Metodologi penyelidikan* (Edisi ke-2). Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Wan Ali Akbar, W. A., Khadijah, A. R., & Mohd Isa, H. (2021). Model guru pendidikan Islam komprehensif. *ASEAN Comparative Education Research Journal on Islam and Civilization (ACER-J)*, 4(1), 63–74.
- Wan Mohd Nor, W. D. (1997). *Penjelasan budaya ilmu*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zambri, M. N., Abd Halim, M. A., Shamsuddin, A., & Mohd Zain, Z. (1985). *Sejarah perkembangan pendidikan negeri Perak*. Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Perak.